



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	6/11/2019	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

PSR tidak dilaksana selagi belum penuhi syarat

GEORGETOWN - Projek Tambakan Laut Pulau Pinang Selatan (PSR) tidak akan dilaksanakan selagi kerajaan negeri tidak memenuhi 72 syarat yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan 18 nasihat oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

Perkara itu diulang Ketua Menteri, Chow Kon Yeow ketika menjawab soalan lisan tambahan **Ketua Pembangkang, Datuk Muhamad Yusoff Mohd Noor (BN-Sungai Dua)** berhubung ruang yang ada untuk kerajaan negeri mempertimbangkan projek mega tersebut.

Menurutnya, menerusi akujanji yang dilakukan, kerajaan negeri perlu memenuhi kesemua nasihat dan syarat itu sebelum memulakan projek bernilai RM11 bilion itu.

“Menerusi akujanji tersebut, tidak ada apa-apa pelaksanaan yang boleh dilakukan sekiranya semua syarat dan nasihat



Laporan Sinar Harian semalam.

tidak dipenuhi. Projek hanya boleh bermula selepas semua kelulusan diperoleh.

“Ruang yang sedia ada bagi kerajaan negeri adalah untuk memenuhi syarat-syarat yang dikenakan itu. Selagi tidak penuhi, kerja tidak boleh buat,” katanya di sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang semalam.

Semalam *Sinar Harian* melaporkan 1,000 nelayan berhimpun di Padang Kota Lama di sini bagi membantah projek PSR terbabit.